



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
80604, JOHOR BAHRU
JOHOR DARUL TA'ZIM
e-mel : jpn.johor@moe.gov.my

Telefon
Am : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0199
Faks : 07-2384691
Laman web : <http://jpn.moe.gov.my/jpnjohor>

Ruj. Kami : JPNJ.PP.100-1/8/1(24)
Tarikh : 28 November 2018

Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor

Tuan,

PEMATUHAN KEPADA SURAT DARIPADA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA :

1. SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL.5/1977 : TUGAS-TUGAS GURU DALAM CUTI PENGGAL SEKOLAH BERTARIKH 6 JULAI 1977; DAN
2. SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 11 TAHUN 2017 : PERINGATAN PELAKSANAAN TUGAS GURU DALAM CUTI PENGGAL SEKOLAH BERTARIKH 27 NOVEMBER 2017

Dengan segala hormatnya surat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM.600-10/22/6 Jld.77(85) bertarikh 23 November 2018 adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, disertakan sesalinan surat tersebut yang jelas menerangkan maksud perkara di atas untuk dipanjangkan kepada sekolah – sekolah di bawah seliaan tuan.
3. Kerjasama dan perhatian tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(AZMAN BIN ADNAN)
Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Johor
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Johor



Ruj. Kami : KPM.600-10/22/6 Jld. 77(85)
 Tarikh 23 November 2018

**Semua Pengarah Pendidikan
 Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PERINGATAN KEPATUHAN KEPADA:

1. SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL.5/1977: TUGAS-TUGAS GURU DALAM CUTI PENGGAL SEKOLAH BERTARIKH 6 JULAI 1977; DAN
2. SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 11 TAHUN 2017: PERINGATAN PELAKSANAAN TUGAS GURU DALAM CUTI PENGGAL SEKOLAH BERTARIKH 27 NOVEMBER 2017

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati terdapat aduan dan bukti amalan yang ingkar kepada ketetapan seperti yang diperuntukkan dalam surat pekeliling dan surat siaran di atas oleh segelintir pentadbir sekolah. Selain jelas bercanggah dengan ketetapan dalam arahan pentadbiran melalui surat berkenaan, perkara ini menimbulkan reaksi negatif dan rasa kurang puas hati dalam kalangan guru, masyarakat dan oran ramai.

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah yang proaktif bagi memastikan perkara sedemikian tidak lagi menjadi amalan dalam kalangan pentadbir sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan serta akur kepada arahan pentadbiran seperti yang dijelaskan dalam kedua-dua Surat Pekeliling Ikhtisas dan Surat Siaran tersebut.

4. Bersama-sama ini disertakan Surat Pekeliling Ikhtisas dan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia yang berkaitan untuk maklumat dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan selanjutnya.

5. Jasa baik dan pertimbangan YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan adalah dimohon untuk memaklumkan jabatan/pejabat pendidikan daerah/sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk / Datin/ tuan / puan akan peringatan tersebut. Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan, berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

SHAARI BIN OSMAN

b.p. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
 Sektor Operasi Pendidikan
 Kementerian Pendidikan Malaysia

KUJ/UPD/SPDK/NOV/2018



*ks gps
 paingkan kpd semua
 sekolah melalui
 PPB. Tte.*

26/11
AZMAN BIN ADNAN
 Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Johor
 Jabatan Pendidikan Negeri Johor



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
Aras 4, Blok E2, Kompleks E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : 03-8884 9000
Faks : 03-8884 9315
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/7/2 Jld.4 (40)
Tarikh : 27 November 2017

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 11 TAHUN 2017

PERINGATAN PELAKSANAAN TUGAS GURU DALAM CUTI PENGGAL SEKOLAH

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menarik perhatian terhadap pelaksanaan peraturan seperti yang terkandung dalam **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5 Tahun 1977: Tugas-Tugas Guru Dalam Cuti Penggal Persekolahan** bertarikh **6 Julai 1977**. Ia memperuntukkan bahawa Pengetua/Guru Besar boleh mengarahkan guru untuk hadir bertugas semasa cuti penggal sekolah bagi masa yang tidak melebihi separuh dari cuti penggal sekolah dalam tahun persekolahan tersebut seperti mengawas peperiksaan, berkursus dan mesyuarat persediaan awal tahun persekolahan.

2. Dalam hal tersebut, KPM masih lagi menerima rungutan dari guru-guru yang tidak berpuas hati dengan pelaksanaan peraturan-peraturan tersebut sehingga mendatangkan beberapa kesulitan kepada guru-guru berkenaan.

3. Sehubungan dengan itu, KPM ingin menegaskan bahawa selain tugas yang telah ditetapkan di peringkat pusat seperti mengawas peperiksaan dan berkursus, semua pengetua/guru besar hendaklah merancang segala tugas guru di waktu cuti penggal sekolah dengan lebih awal supaya tugas yang dirancang tersebut tidak menimbulkan masalah kepada guru-guru di bawah pentadbiran masing-masing.



s.k.:

1. Menteri Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Menteri Pendidikan I
3. Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
9. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
10. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pendidikan Malaysia

11. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ref. K.P.(BS) 8590/Jil.V/(52)

Kementerian Pelajaran Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur. 01-34.

6hb. Julai, 1977.

Semua Pengarah Pelajaran,
Semenanjung Malaysia,
Sabah dan Sarawak.

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/1977
Tugas-tugas Guru Dalam Cuti Penggal Sekolah

Adalah dimaklumkan bahawa semua guru sebagai kakitangan Kerajaan, adalah ter-
takluk kepada perenggan 15 Bab A dan perenggan 50(a) Bab C, Perintah-Perintah Am.

2. Peraturan-peraturan yang dimaksudkan itu adalah berbunyi:-

Perintah-Perintah Am - Bab A.

15. "Seseorang pegawai adalah dikehendaki menjalankan segala tugas-tugas jawatannya dan lain-lain tugas yang sesuai yang ia mungkin diarahkan untuk menjalankan dari semasa ke semasa."

Perintah-Perintah Am - Bab C


50(a) "Sebagai ganti cuti rehat, guru-guru adalah berkelayakan mendapat cuti Penggal sekolah dengan syarat bahawa Ketua Jabatan boleh memanggil guru-guru untuk menjalankan tugas-tugas selain daripada tugas-tugas mengajar biasa semasa percutian penggal sekolah bagi masa yang tidak melebihi separuh daripada jumlah cuti penggal sekolah dalam satu-satu tahun itu."

3. Bagaimanapun Kementerian Pelajaran telah menerima beberapa sungutan dari guru-guru yang menyatakan tidak puas hati dengan pelaksanaan peraturan-peraturan yang tersebut dalam perenggan 2 di atas sehingga mendatangkan beberapa kesulitan kepada guru-guru yang berkenaan. Misalnya, mesyuarat guru-guru diadakan dipertengahan cuti sekolah menyebabkan guru yang tinggal atau berada di luar daerah/negeri atau bercuti di tempat-tempat lain terpaksa kembali untuk menghadiri mesyuarat sehari. Seterusnya, pernah berlaku dimana guru dipanggil balik satu - dua hari di pertengahan cuti sekolah untuk menguruskan perkara-perkara yang tidak beberapa mustahak. Kadangkala guru dipanggil balik ke sekolah untuk bertugas tanpa tugas-tugas yang tertentu.

4. Adalah dicadangkan bahawa Guru Besar hendaklah merancangkan segala tugas di waktu cuti penggal sekolah dengan lebih awal supaya tugas-tugas akan dapat dibahagi-bahagikan dengan lebih saksama dan teratur. Dengan ini, kesulitan yang dihadapi oleh guru-guru dapadlah dikurangkan. Kementerian Pelajaran bersetuju pada prinsipnya bahawa guru-guru tidak seharusnya diwajibkan bertugas secara bergilir-gilir untuk menjalankan tugas-tugas ketika Guru Besar/Penolong Kanan tidak bercuti semasa cuti penggal, khasnya di pertengahan cuti penggal sekolah.

5. Sukacita kiranya ruan dapat memaklumkan kepada semua Guru Besar mengenai perkara ini.

Saya yang menurut perintah,



(Kum Boo)
Bahagian Sekolah-Sekolah,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

s.k.

Setiausaha Sulit kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran.
Setiausaha Sulit kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran (I).
Setiausaha Sulit kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran (II).
Ketua Setiausaha Kementerian.
Ketua Pengarah Pelajaran.
Timbalan Ketua Setiausaha (I).
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (I).
Timbalan Ketua Setiausaha (II).
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (II).
Semua Ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran.
S.U. (Politik) kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran.
Pegawai Khas (I) kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran.

KB/rt